



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

### GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (PEJABAT CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB)

#### 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- 1.1. Lesen Ibu Pejabat masih sah sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari dari tarikh permohonan.
- 1.2. Mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan dan had ekuiti yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- 1.3. Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan yang dipohon. Sila rujuk **Lampiran B**.
- 1.4. Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan di bawah Seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], tiada pendakwaan sedang berjalan terhadap syarikat, tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta 482 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan), tiada tunggakan pembayaran "award" Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dan tiada perintah mahkamah yang masih belum dipatuhi syarikat berhubung kes sivil yang berkaitan dengan transaksi pelancongan.

#### 2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:

- 2.1. Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BA/2) seperti di **Lampiran C**.

### 3. TATACARA PERMOHONAN:

- 3.1. Melengkapkan maklumat permohonan dalam **Tourism Licensing & Enforcement System (TOURLIST)** melalui laman sesawang [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).
- 3.2. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di perenggan 2 hendaklah dimuat naik ke dalam **TOURLIST**.

### 4. FI PEMROSESAN:

- 4.1. Pembayaran secara atas talian/ *online* **RM50.00** bagi setiap permohonan melalui laman sesawang [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my).

### 5. KEPUTUSAN PERMOHONAN: Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui TOURLIST.

### 6. SYARAT-SYARAT PENYEDIAAN PREMIS:

- 6.1 **Bagi permohonan yang telah DIPERTIMBANGKAN**, pemohon perlu menyediakan premis perniagaan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh surat pemakluman keputusan permohonan mengikut kriteria-kriteria seperti berikut:

- (a) Keperluan keluasan premis minima 100 kaki persegi;
- (b) Premis operasi Pejabat Cawangan adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap; dan
- (c) Lokasi/ kawasan komersial yang dilesenkan/ dibenarkan oleh PBT.

Nota: Surat pemakluman keputusan permohonan yang dikeluarkan adalah terpakai bagi tempoh enam (6) bulan sahaja dari tarikh surat pemakluman. Kegagalan pemohon dalam menyediakan premis serta melengkapkan dokumen sokongan di atas akan menyebabkan permohonan yang telah dipertimbangkan terbatal dan permohonan baharu hendaklah dikemukakan.

6.2 Mengemukakan dokumen untuk tujuan pemeriksaan premis iaitu :

- (a) Salinan perjanjian penyewaan premis (*Tenancy Agreement*) yang ditandatangani oleh pemilik syarikat dan telah dimatikan setem serta masih berkuatkuasa atau salinan *Sales & Purchase (S&P)* jika premis adalah milik syarikat, surat kebenaran atau sewaan yang dikeluarkan oleh PBT;
- (b) Lakaran pelan lantai;
- (c) Gambar berwarna bahagian dalam & luar premis; dan
- (d) Mempunyai papan tanda perniagaan bersifat kekal di luar premis (mengikut kesesuaian dan kelulusan PBT/ pemilik bangunan).

6.3 Pemeriksaan premis oleh Pejabat MOTAC Negeri adalah dalam tempoh 30 hari bekerja dari dokumen lengkap.

6.4 Menjelaskan fi lesen setelah menerima pemakluman pemeriksaan premis dan telah memenuhi semua syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian di dalam TOURLIST.

6.5 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**

Syarikat berhak mengemukakan rayuan secara atas talian melalui [www.tourlist.gov.my](http://www.tourlist.gov.my) dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat pemakluman keputusan lesen dikeluarkan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.

## 7. PIAGAM PELANGGAN:

### **Pemakluman keputusan permohonan dengan bersyarat:**

5 hari bekerja dari tarikh dokumen Jawatankuasa Permohonan dan Rayuan Lesen diperakukan.

### **Cetakan lesen:**

Cetakan lesen boleh dilakukan secara atas talian melalui TOURLIST setelah pembayaran fi lesen dilakukan.

8. **PERINGATAN:** Pesuruhjaya boleh membatalkan sesuatu lesen/ mengambil tindakan di bawah Akta 482 jika dia berpuashati bahawa pengusahaan pelancongan berlesen itu telah, sama ada berkaitan dengan permohonan untuk lesen itu atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen, sama ada secara lisan atau bertulis memberi kepada Pesuruhjaya maklumat, dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat yang dibuat oleh atau bagi pihak pengusahaan pelancongan itu atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang adalah atau yang akan menjadi pengarah, pengawal atau pengurus pengusahaan berlesen itu.

9. **FI LESEN:**

BIL.	BIDANG	FI LESEN	FI LESEN TAMBAHAN
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri selain Program <i>Malaysia My Second Home (MM2H)</i>	RM250.00 setahun	RM150.00 setahun
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah	RM500.00 setahun	RM350.00 setahun
4.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	RM200.00 setahun	RM100.00 setahun

\* Rujuk maklumat fi lesen sedia ada di dalam Akta 482.

10. **TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024.

## LAMPIRAN A

### SYARAT-SYARAT PEGANGAN SAHAM, HAD EKUITI DAN MODAL BERBAYAR SYARIKAT TOBTAB

BIL.	JENIS PERNIAGAAN	PEMEGANG SAHAM	HAD EKUITI PEGANGAN SAHAM (MAKSIMA)	LOKASI PREMIS	MODAL BERBAYAR DITERBITKAN (MINIMA)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 1,500,000.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (ASEAN)	70% - Singapura / Kemboja sahaja 51% - Selain Singapura / Kemboja	Bandar / Luar Bandar	RM 1,000,000.00
3.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Syarikat Asing (Bukan ASEAN)	30%	Bandar / Luar Bandar	RM 500,000.00
4.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Syarikat Asing (ASEAN / Bukan ASEAN)	Tidak Dibenarkan	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 50,000.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
7.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 100,000.00
8.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
9.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar	RM 200,000.00
				Luar Bandar	RM 150,000.00
10.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri & Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00
11.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam & Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Warganegara / Syarikat Tempatan	100%	Bandar / Luar Bandar	RM 200,000.00

**Nota:** (1) Kategori **Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Bandaraya** dan **Majlis Perbandaran**.

(2) Kategori **Luar Bandar** jika lokasi premis perniagaan berada di kawasan **Majlis Daerah**

(3) Modal Berbayar ditetapkan kepada RM50,000 bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Pulau Langkawi, Negeri Perlis dan pulau-pulau di peranginan di Pahang bagi lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dalam Negeri sahaja dan syarikat tidak dibenarkan membuka cawangan di mana-mana tempat lain.

**LAMPIRAN B****PENETAPAN PENAMBAHAN MODAL BERBAYAR BAGI TUJUAN MEMBUKA  
CAWANGAN BAHARU.****CONTOH 1:**

Syarikat MNO Adventures Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kuala Besut, Terengganu (Majlis Daerah Besut) dan berhasrat untuk menambah satu (1) cawangan. Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan seperti jadual di bawah:

Modal Berbayar Terkini (RM) (a)	Jumlah Modal Berbayar yang perlu ditambah bagi satu cawangan (RM) (b)		Jumlah Modal Berbayar Terkini (RM) (a+b)
	Bandar	Luar Bandar	
50,000.00		50,000.00	100,000.00
100,000.00		Tiada tambahan	100,000.00
150,000.00		Tiada tambahan	150,000.00
200,000.00		Tiada tambahan	200,000.00
200,000.00	50,000.00		250,000.00
250,000.00	Tiada tambahan		250,000.00
250,000.00		Tiada tambahan	250,000.00

**CONTOH 2:**

Syarikat QMA Adventures Sdn. Bhd. yang beroperasi di Kuala Lumpur (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan berhasrat untuk menambah satu (1) cawangan. Syarikat perlu menambah modal berbayar RM50,000.00 bagi setiap cawangan seperti jadual di bawah:

Modal Berbayar Terkini (RM) (a)	Jumlah Modal Berbayar yang perlu ditambah bagi satu cawangan (RM) (b)		Jumlah Modal Berbayar Terkini (RM) (a+b)
	Bandar	Luar Bandar	
200,000.00	50,000.00		250,000.00
200,000.00		50,000.00	250,000.00
250,000.00	Tiada tambahan		250,000.00
250,000.00		Tiada tambahan	250,000.00
500,000.00	Tiada tambahan		500,000.00
500,000.00		Tiada tambahan	500,000.00

**SURAT AKU JANJI OLEH PENGARAH SYARIKAT**

Saya .....  
No. Kad Pengenalan ..... Jawatan .....  
bagi pihak syarikat .....  
dengan sesungguhnya mengaku dan berjanji bahawa syarikat ini:-

- (a) adalah berstatus *existing* di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (b) tidak berada dalam proses perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Bebas TANPA kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan;
- (c) tiada sebarang kompaun yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan);
- (d) tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat;
- (e) tiada sebarang tunggakan "*award*" di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) berhubung pelancongan;
- (f) Tidak berada dalam siasatan atau pendakwaan oleh Polis DiRaja Malaysia berhubung kes-kes pelancongan;
- (g) akan memastikan bahawa semua akaun milik syarikat hanya akan diuruskan oleh Ahli Lembaga/ Pemegang Saham/ Pengurus syarikat yang dilantik sahaja; dan
- (h) akan mematuhi keperluan dan kehendak yang ditetapkan mana-mana pihak berkuasa Kerajaan Arab Saudi (jika berkaitan).

Sesungguhnya bahawa sekiranya pengisytiharan ini didapati palsu, tidak betul, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir, pihak Kementerian berhak untuk mengambil tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau apa-apa tindakan perundangan yang berkaitan.

*Ditandatangani untuk dan bagi pihak syarikat:*

\_\_\_\_\_  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Syarikat :

Tarikh :

Saksi  
*Ditandatangani oleh Setiausaha Syarikat:*

\_\_\_\_\_  
Nama :  
Jawatan :  
Cop Syarikat :

Tarikh :